

15/09/1999

Mahkamah bukan gelanggang politik

FUNGSI mahkamah untuk menegakkan keadilan di mana-mana negara sekali pun, tidak perlu dipersoalkan. Bezanya hanyalah cara mana seseorang melihat proses kehakiman dijalankan mengikut kaca mata kepentingan masing-masing. Bagi memastikan kesempurnaan sistem kehakiman, institusi mahkamah perlu setiap masa membuktikan proses keadilan berjalan dengan saksama berlandaskan undang-undang tanpa mengira siapa juga yang diadili. Ini penting untuk memastikan kepercayaan terhadap kewibawaan mahkamah dipertahankan.

Di negara bertamadun yang mana rakyatnya menghargai keharmornian dan kesejahteraan hidup, kerajaan dan rakyat mengharapkan mahkamah melaksanakan tanggungjawab secara bebas dan berkecuali tanpa sebarang rasa takut terhadap apa juga ancaman. Sesebuah kerajaan seboleh mungkin tidak akan campur tangan dalam urusan mahkamah kerana tidak mahu kewibawaan institusi itu dipersoalkan. Atas dasar inilah institusi mahkamah sentiasa dihormati dan disanjung tinggi. Malaysia adalah salah sebuah negara yang begitu kuat menghormati keluhuran undang-undang. Mencemari keluhuran undang-undang bermakna mempertikaikan Rukun Negara.

Malangnya, institusi mahkamah di negara membangun sering dipertikaikan oleh masyarakat perundangan antarabangsa yang menuduh kononnya mahkamah terlalu memihak kepada kerajaan. Kecaman juga dibuat terhadap hakim. Meski pun perbicaraan mahkamah dijalankan secara terbuka, yang mana setiap pihak bebas mengikuti dan mendengar hujah daripada orang yang didakwa dan pendakwa, anggapan negatif terhadap sistem kehakiman, tetap wujud apabila kes itu membabitkan personaliti tertentu, tambahan pula jika mereka mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Kecaman terus dibuat sedangkan pihak yang didakwa diberi hak pembelaan sewajarnya. Mereka seolah-olah meletakkan gelanggang kehakiman setaraf dengan gelanggang politik sedangkan kedua-duanya adalah dua entiti yang begitu jauh berbeza. Keputusan hakim akan dianggap tidak adil jika pihak yang didakwa berbeza pandangan dengan kerajaan. Golongan yang menentang memberi pelbagai alasan dan andaian di luar mahkamah, seolah-olah mereka lebih arif daripada hakim. Pelbagai berita angin disebarkan mengenai kes yang membabitkan urusan mahkamah.

Setakat ini tidak timbul pun keputusan hakim dipertikaikan dalam keputusan yang membabitkan pelakuan jenayah. Tidak ada pihak yang mempertikaikan hukuman mati yang dijatuhkan terhadap mereka yang didapati bersalah melakukan jenayah berat sedangkan keputusan seperti itu boleh dikatakan sering dibuat oleh mahkamah. Tetapi disebabkan penjenayah bukan daripada golongan yang berbeza ideologi politik dengan kerajaan, hukuman dijatuhkan tanpa sebarang kekecohan. Tidak timbul soal sama ada hakim membuat keputusan dengan adil atau dituduh menyokong penjenayah.

Sebaliknya, apabila seseorang tokoh politik dihadapkan ke mahkamah, pelbagai telahan pula dibuat. Malah pengikutnya membuat ramalan terhadap hukuman yang akan dikenakan, mendahului keputusan hakim. Mereka membuat gelanggang sendiri di luar mahkamah, tujuannya semata-mata untuk mengherdik keputusan hakim.

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton tidak sepatutnya mengulas keputusan mahkamah negara ini yang menjatuhkan hukuman penjara ke atas wartawan Far Eastern Economic Review (FEER), Murray Hiebert kerana beliau hanya melihat kes itu daripada kepentingan negara, warna kulit dan egonya. Rumah Putih tidak berhak mencampuri urusan perundangan di negara ini.

Clinton juga perlu sedar bahawa beliau sendiri pernah menghadapi tuduhan kes skandal seks tetapi tidak ada negara yang membuat ulasan. Apakah Monica Lewinsky berpendapat keputusan kes itu adil terhadap dirinya?

Clinton sebenarnya membuka gelanggang perdebatan tanpa melihat kelemahan diri sendiri. Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apakah Clinton berpendapat tindakan penahanan bekas pemimpin Panama, Manuel Noreiga, di Panama dan membawanya untuk dibicarakan di Amerika Syarikat, sesuatu yang adil? Hakikatnya, tindakan menahan warga negara lain dan membawa mereka untuk dibicarakan di Amerika, bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Di Malaysia, tidak ada sebab hakim perlu memihak kepada kerajaan. Tugas mereka hanyalah untuk menegakkan kebenaran, tidak kira sama ada ia membabitkan kepentingan kerajaan atau tidak. Setiap hakim mempunyai prinsip dan tidak akan membenarkan diri mereka diperalat oleh mana-mana pihak. Keputusan yang dibuat berdasarkan kepada setiap hujah dan membuat pertimbangan wajar berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

(END)